

PM harap Dr. Mahathir pulih segera

um - 16/5/2007

LANGKAWI 15 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini menerima rawatan susulan di Institut Jantung Negara (IJN) selepas dimasukkan ke Hospital Langkawi akibat sesak nafas semalam akan pulih dengan segera.

Perdana Menteri yang diminta mengulas keadaan kesihatan Dr. Mahathir memberitahu, beliau belum sempat mendapatkan perkembangan terkini bekas Perdana Menteri itu ekoran kesibukannya menghadiri program padat sempena lawatan kerja Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong ke sini.

"Saya harap dia akan pulih dan mendapat rawatan," katanya pada sidang akhbar di vila penginapan beliau di Four Seasons Resort di sini hari ini.

Abdullah dan Hsien Loong tiba di pulau legenda ini semalam bagi mengadakan pertemuan tidak rasmi.

Ia bermula dengan jamuan makan malam dan dimulai pagi ini dengan pertemuan empat mata, mesyuarat delegasi, sidang akhbar bersama, makan tengah hari di atas kapal Star Cruises di Terminal Porto Malai dan diakhiri dengan menikmati durian sebelum Hsien Loong berlepas pulang ke Singapura menaiki jet tentera republik itu.

Difahamkan, Abdullah berhasrat melawat Dr. Mahathir di Hospital Langkawi petang semalam tetapi terpaksa dibatalkan atas nasihat pegawai perubatan Dr. Mahathir yang mahu bekas Perdana Menteri itu berehat dan tidak menerima pelawat kecuali ahli keluarga terdekat.

Dr. Mahathir yang mengadu sesak nafas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Jabatan Kecemasan hospital itu pada pukul 4.15 petang semalam bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Mereka datang ke hospital dengan kenderaan sendiri.

Keadaan bekas Perdana Menteri itu dilaporkan stabil selepas diberikan oksigen dan sedikit sedatif oleh doktor yang merawat beliau di Hospital Langkawi.

Kira-kira pukul 10.30 pagi ini, Dr. Mahathir dipindahkan ke IJN di Kuala Lumpur dengan pesawat khas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk mendapatkan rawatan susulan.

Sementara itu, Pegawai Akhbar Dr. Mahathir, Sufi Yusoff memberitahu, bekas Perdana Menteri itu telah menunjukkan tindak balas positif terhadap rawatan yang diberikan oleh sekumpulan doktor pakar dari IJN, Hospital Langkawi dan Hospital Alor Star.

"Kumpulan doktor ini berpuas hati dengan tindak balas positif itu dan beliau kemudian dipindahkan ke IJN," katanya.